



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI PENGURUSAN PENGETAHUAN

KULIM mengakui bahawa aset yang paling penting adalah anggota pekerja kami. Kami komited untuk latihan dan pembangunan seluruh tenaga kerja supaya mereka dapat memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk mencapai potensi penuh mereka. Ini akan membantu KULIM mencapai matlamat dan objektifnya untuk menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang berkualiti dalam suasana kerja berpasukan. Peningkatan kemahiran dan pengetahuan anggota pekerja akan mendorong KULIM melahirkan insan yang berkeyakinan, berkebolehan dalam membentuk pasukan yang cekap dan berkesan.

Keperluan latihan dan pembangunan individu akan dikenal pasti melalui:

- ❖ Analisis Latihan Keperluan
- ❖ Penilaian Prestasi Tahunan
- ❖ Permintaan daripada pekerja dan Ketua Jabatan.

Keperluan latihan dan pembangunan yang dikenalpasti akan dipenuhi melalui pelbagai aktiviti bergantung kepada sifat dan tahap keperluan yang dianggap perlu selepas penilaian.

Semua latihan dalaman yang disediakan oleh KULIM tidak akan dikenakan bayaran kepada anggota pekerja. Kursus luaran dan kelayakan profesional mungkin dibiaya sepenuhnya atau sebahagiannya oleh organisasi bergantung kepada jenis latihan.

Komitmen berterusan KULIM untuk latihan dan pembangunan, anggota pekerja diminta memberikan maklum balas mengenai nilai dan keberkesanan latihan dan pembangunan yang mereka lalui.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018